

09 MAR 2004

MIGHT-MAHATHIR

MIGHT BUKTIKAN KEJAYAAN DALAM PEMBANGUNAN KOMERSIL TEKNO

KUALA LUMPUR, 9 Mac (Bernama) -- Kumpulan Industri Kerajaan Malaysia bagi Teknologi Tinggi (MIGHT) telah mempamerkan kejayaan dalam banyak bidang pembangunan komersil tekno di bawah naungan bekas Perdana Menteri Tun Mahathir Mohamad, kata Pengerusi Bersama MIGHT (Industri) Tan Sri Dr Ahmad Tajuddin Ali di sini hari ini.

Beliau berkata MIGHT diilhamkan oleh Tun Mahathir 10 tahun lalu.

Hari ini, MIGHT telah menunjukkan kejayaan memobilisasikan bakat kepakaran dan sumber dalam kedua-dua sektor kerajaan dan swasta yang sekali gus telah menghasilkan agenda teknologi yang digerakkan oleh perniagaan dan berjaya bentuk dengan baik.

Beliau berkata demikian pada majlis perpisahan yang diadakan untuk Tun Mahathir dan isteri beliau Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Dalam tempoh 10 tahun inilah, MIGHT berterusan meningkatkan aktivitinya dengan bersungguh-sungguh.

Antara pencapaian yang membanggakan ialah dalam sektor-sektor strategik seperti dalam aeroangkasa, automotif, pembinaan dan perumahan, herba, teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), farmaseutikal dan maritim.

Terdapat juga pertubuhan dialog perkongsian pintar di dalam dan luar negara, kata Ahmad Tajuddin.

Ahmad Tajuddin turut melahirkan penghargaan yang tidak terhingga MIGHT kepada Dr Mahathir, seorang yang amat berwawasan, yang menyaksikan perlunya sebuah entiti untuk dimanfaatkan sebaik mungkin menerusi perkongsian industri-kerajaan yang berkesan dan bergiat cergas.

Sementara itu, Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, penaung MIGHT sekarang, dalam perutusan khasnya berkata yang peninggalan usaha Tun Dr Mahathir Mohamad sudah terbukti dan nyata sekali.

Beliau mengubah dan melonjakkan sebuah negara kecil yang berasaskan pertanian menjadi sebuah negara yang maju, kata Abdullah dalam perutusannya yang terkandung dalam program cenderamata di sini.

Salah satu strategi yang digunakan untuk mempercepatkan peralihan ini ialah mengadakan hubungan kerja yang berkesan dan menyeluruh di dalam sektor awam dan rakan kongsi mereka di dalam sektor swasta.

Konsep beliau yang dikenali sebagai Malaysia Inc berjaya memacu pertumbuhan dan pembangunan negara, kata Abdullah. -- BERNAMA

TNS FR AA